

Mesej Enam

**Kurnia Tuhan dan Roh Almuhit**

Bacaan Bible: 1 Kor. 15:10; 2 Kor. 1:12, 15, 21-22; 3:3, 6, 8, 17-18; 12:9; 13:14

- I. Dalam 2 Korintus, Kristus sebagai kurnia Tuhan ialah tanah permai yang boleh kita masuki, alami, nikmati, ambil bahagian, dan miliki—Yoh. 1:17; 1 Kor. 15:10; bd. Gal. 2:20; 1 Kor. 5:7; 10:3-4; 2 Kor. 13:14:**
- A. Dalam 2 Korintus 13:14 kurnia Tuan disebut dahulu kerana buku ini adalah tentang kurnia Kristus—1:12; 4:15; 6:1; 8:1, 9; 9:8, 14; 12:9:
1. Roh Kudus yang merupakan edaran, transmisi, bagi kurnia Kristus berserta kasih Bapa ialah bekalan dalam kehidupan orang Kristian dan kehidupan gereja kita:
    - a. Seluruh kehidupan gereja bergantung pada 2 Korintus 13:14.
    - b. Arus Triniti Divin dalam kita, yang diwahikan dalam 2 Korintus 13:14, ialah nadi rohani kita.
  2. Berkat dalam 2 Korintus 13:14 adalah sama dengan berkat dalam Bilangan 6:22-27; inilah berkat abadi Tuhan Tritunggal, yang merupakan Tuhan Tritunggal mendispenkan diri-Nya dalam Triniti Divin-Nya ke dalam kita untuk kenikmatan kita:
    - a. “Yehova memberkatimu dan memeliharamu” ialah kasih Tuhan Bapa sebagai sumber hayat dan cahaya—ay. 24; Mzm. 36:9.
    - b. “Yehova menyinarimu dengan muka-Nya dan bermurah hati terhadapmu” ialah kurnia Kristus sebagai lemak di rumah Tuhan—Bil. 6:25; Mzm. 36:8.
    - c. “Yehova mengangkat wajah-Nya terhadapmu dan memberi kamu damai sejahtera” ialah persekutuan Roh Kudus sebagai sungai kegirangan Tuhan—Bil. 6:26; Mzm. 36:8.
- B. Kurnia Tuhan dalam ekonomi-Nya adalah kaya, berlipat ganda, dan melimpah-ruah—Ef. 2:7; 1 Ptr. 1:2b; 2 Ptr. 1:2; Ef. 1:7b-8:
1. Tuhan telah mengurniai kita dalam Yang Dikasihi itu—ay. 6.
  2. Kita telah beroleh jalan masuk melalui iktikad ke dalam kurnia ini; dalam kurnia ini kita berdiri—Roma 5:2a.
  3. Apabila Kristus yang berada dalam kita ini kita terima, alami, dan nikmati setiap hari, itulah kurnia ditambah kepada kita, yakni kurnia atas kurnia—Yoh. 1:16.
- C. Kehidupan para minister waadah baru ialah kehidupan kurnia, pengalaman terhadap kurnia—Ibr. 12:28; 1 Kor. 15:10; 2 Kor. 1:12, 15:
1. Kurnia Tuan Yesus Kristus, Roh kurnia, ada bersama dengan roh kita, yang telah dilahirukan untuk menjadi tempat huni dan wadah Tuhan Tritunggal—Ibr. 10:29b; Gal. 6:18; Flp. 4:23; Flm. 25; 2 Tim. 4:22; bd. 1:6-7.
  2. Setiap kali kita berpaling kepada roh kita, kita masuk menerusi pintu syurga dan menyentuh takhta kurnia di syurga menerusi Kristus yang merupakan tangga syurgawi—Ibr. 4:16; Kej. 28:12-17; Yoh. 1:51; Ef. 2:22.
  3. Kurnia menyertai semua yang mengasihi Tuan kita Yesus Kristus dalam ketakkorupan—6:24.
  4. Kerendahan hati menyelamatkan kita daripada segala jenis kebinasaan dan mengundang kurnia Tuhan—1 Ptr. 5:5-6; Yak. 4:6.
  5. Kita perlu menikmati sabda kurnia-Nya—Kis. 20:32; Yer. 15:16.
  6. Kita perlu mengalami Roh kurnia dan permohonan untuk membawa kita ke dalam kenikmatan terhadap Tuhan Tritunggal—Za. 12:10a.

Mesej Enam (sambungan)

7. Minister waadah baru menikmati Kristus sebagai kurnia mereka yang serba mencukupi menerusi penderitaan:
  - a. Ministri waadah baru dihasilkan melalui wahi tambah penderitaan—2 Kor. 12:7; 1:3-4, 8-10.
  - b. Kristus sebagai kurnia menjadi kudrat yang bertabernakal atas minister waadah baru, menaungi mereka dalam kelemahan mereka untuk menjadi tempat huni mereka bagi menopang, menyokong, memelihara, melindungi, dan menjaga mereka—12:9b.
8. Kita memerlukan kurnia Tuhan dalam Kristus diaplikasikan pada kita untuk menjadi kekuatan dan kudrat bagi pergerakan kita dan perlindungan kita—Yeh. 1:6b, 9a; Kel. 19:4; Yes. 40:31; 2 Kor. 4:7; 1:12; 12:9; 1 Kor. 15:10; Mzm. 17:8; 57:1; 63:7; 91:4.
9. Kita meraja dalam hayat dengan menerima kelimpahan kurnia—Roma 5:17.
10. Kita perlu menjadi penyelenggara yang baik bagi pelbagai kurnia Tuhan—1 Ptr. 4:10; Ef. 3:2.
11. Kata-kata kita harus menyalurkan kurnia kepada orang yang mendengar—Luk. 4:22; Ef. 4:29; Yes. 50:4.
12. Kita perlu menikmati kurnia hayat dalam kehidupan gereja untuk memelihara diri kita dalam kesatuan yang sejati—Mzm. 133.
13. Dalam kehidupan gereja, apabila kita mempunyai kurnia pada kita, gereja akan dibina, dan kurnia yang kita terima dapat dilihat orang—Kis. 4:33; 11:23.
14. Hasil kurnia dalam ekonomi Tuhan ialah Tubuh Kristus yang merupakan puisi Tuhan, yang menyatakan kearifan Tuhan yang tidak terhingga dan rekaan divin Tuhan—Ef. 2:10, 7; 2 Kor. 5:17.
15. Kurnia Tuan Yesus yang didispenskan kepada percayawan-Nya sepanjang zaman wasiat baru berkonsumasi dalam Yerusalem Baru; dalamnya Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi akan menjadi kurnia yang dinikmati oleh semua percayawan buat selama-lamanya—Wahi 22:21; bd. 21:23; 22:1-2.

**II. Untuk dikonstitusikan menjadi minister waadah baru demi pembinaan Tubuh Kristus, kita perlu mengalami semua aspek Kristus sebagai Roh al-muhit dalam 2 Korintus:**

- A. Roh yang mengurap ialah Roh majmuk yang huni secara dalaman, yang bergerak serta bekerja dalam kita untuk menyalurkan segala ramuan dan konstituen divin Tuhan ke dalam kita—1:21; Flp. 1:19; Kel. 30:23-25; Roma 10:12-13:
  1. Pengurapan yang mencapai kita menggenapkan tujuan utama penyelamatan Tuhan, iaitu mengurapkan Tuhan yang majmuk ke dalam kita supaya kita disatukan, dibaurkan, dan diinkorporasikan dengan-Nya—1 Kor. 15:45b; 1 Yoh. 2:20, 27.
  2. Pengajaran daripada pengurapan merupakan perasaan dalaman yang terjana oleh pergerakan Roh itu dalam kita, membolehkan kita mengenali minda Tuhan dan hidup dalam-Nya, mengajar kita hal-hal berkenaan Tuhan Tritunggal dan aktiviti-aktiviti-Nya—ay. 27; Kis. 16:6-7.
- B. Roh yang memeterai itu membentuk elemen-elemen divin menjadi suatu teraan untuk mengekspresikan imej Tuhan—2 Kor. 1:22; Ef. 1:13:
  1. Roh yang memeterai itu menepui percayawan secara berterusan hingga penibusan tubuh mereka—4:30.

Mesej Enam (sambungan)

2. Roh yang memeterai itu mentransform percayawan menjadi harta Tuhan, sebagai warisan-Nya—1:11.
3. Semakin kita dimeterai, semakin kita mempunyai imej Tuhan untuk dikonstitusikan menjadi mahakarya Tuhan—2 Kor. 3:18b; Ef. 2:10.
- C. Roh yang menjamin itu memberi kita prarasa sebagai sampel dan gerenti bagi kenikmatan penuh terhadap Tuhan—2 Kor. 1:22; 5:5:
  1. Jaminan Roh itu menjamin bahawa Tuhan ialah warisan kita—Ef. 1:14.
  2. Kristus sebagai Roh yang menjamin itu berada dalam kita untuk kita kecapi, supaya kita menikmati Dia sebagai warisan divin kita, bahagian peruntukan kita, menerusi kita melatih roh kita—Mzm. 34:8; 1 Ptr. 2:3; Kol. 1:12.
- D. Roh yang menulis itu menuliskan Kristus ke dalam kita untuk menjadikan kita surat Kristus yang hidup—2 Kor. 3:3; bd. Mzm. 45:1:
  1. Kristus sedang dituliskan ke dalam kita dengan dakwat rohani, yakni Roh kepunyaan Tuhan yang hidup; jika kita berada di bawah penulisan Roh itu, kita mempunyai perasaan mendalam bahawa kita adalah hidup di dalam.
  2. Roh itu ialah dakwat, dan isi dakwat itu ialah Kristus berserta persona, kerja, dan pencapaian-Nya; Roh majmuk sebagai dakwat majmuk menambahkan substansi Kristus ke dalam kita dan menepui kita dengan esensi Kristus.
- E. Roh beri-hayat, yakni Roh yang menghidupkan orang, menyalurkan hayat divin ke dalam kita untuk menjadikan kita manusia hayat yang mempunyai ministri hayat—2 Kor. 3:6, 17; Yoh. 7:38:
  1. Apabila kita mengkaji dan membaca Bible dengan cara berdoa sambil melatih roh kita, kita dihidupkan—2 Kor. 3:6; Yoh. 6:63.
  2. Untuk menjadi seorang yang dapat memberi hayat kepada orang lain, kita harus tinggal dalam hayat divin dan harus bergerak, hidup, dan berperilaku dalam hayat divin—1 Yoh. 5:16a.
- F. Roh yang meminister itu menyalurkan segala apanya Kristus ke dalam kita dan menjadikan segala apanya Kristus dan segala yang dimiliki Kristus benar bagi kita—2 Kor. 3:8; Yoh. 16:13-15:
  1. Kita dapat menerima bekalan Roh yang meminister dengan melatih roh kita untuk berdoa dan menyeru Tuan—Gal. 3:5a; Kol. 4:2; Roma 10:12-13.
  2. Roh yang meminister itu meministerkan Kristus ke dalam kita dan meministerkan Kristus kepada orang lain menerusi kita—2 Kor. 3:6; bd. Flp. 1:25.
- G. Roh yang membebaskan itu membebaskan kita daripada belenggu huruf hukum; Roh Tuan ialah Tuan sendiri; pada-Nya ada kebebasan—2 Kor. 3:17; 4:5; Gal. 2:4; 5:1:
  1. Pembebasan ini termasuk kepuasan penuh, disertai bekalan kaya yang menyokong dan kenikmatan penuh terhadap Kristus—Yoh. 4:14b.
  2. Pembebasan ini termasuk menikmati rehat sebenar, tidak berada di bawah beban berat mematuhi hukum—Mat. 11:28-30.
- H. Roh yang mentransform itu mendispenkan hayat, sifat, esensi, dan elemen divin—malah Persona Divin—ke dalam kita supaya kita dapat diubah secara metabolik dalam diri dalaman kita—2 Kor. 3:18:
  1. Apabila kita memalingkan hati kita kepada Tuan untuk menatap dan memantulkan kemuliaan Tuan dengan muka yang tidak diselubungi, Dia menginfusi kita dengan elemen apanya Dia dan apa yang telah dilakukan-Nya.

Mesej Enam (sambungan)

2. Oleh itu, kita ditransform secara metabolik daripada satu tahap kemuliaan kepada satu lagi tahap kemuliaan agar kita mempunyai bentuk hayat-Nya melalui kudrat hayat-Nya dengan esens hayat-Nya.
- I. Roh yang mentransmisi itu mentransmisikan segala apanya Kristus berserta semua kekayaan Tuhan ke dalam kita untuk pengambilan bahagian kita—13:14:
  1. Tuhan ialah kasih, dan kasih ini ditransmisikan sebagai kurnia ke dalam kita melalui Roh itu, yang merupakan Pentransimisi.
  2. Roh itu ialah persekutuan, penghubungan, edaran, transmisi bagi kurnia Kristus berserta kasih Bapa, yang mentransmisikan kekayaan divin ke dalam kita untuk kenikmatan kita.